

Tawaran menteri bagi Razaleigh

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Tak banyak perubahan dalam kabinet baru — Dr. M

KUALA LUMPUR, Ahad — Tengku Razaleigh Hamzah akan kekal sebagai Menteri Kewangan jika beliau memutuskan untuk terus berkhidmat dalam Kerajaan, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir, yang akan mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia Keempat pada 16 Julai ini jam 11 pagi di Istana Negara berkata, tidak banyak perubahan dalam Kabinet baru yang akan ditumukkan pada 20 Julai nanti.

"Tiada banyak perubahan dalam Kabinet baru kecuali rombakan jawatan para Menteri dan Timbalan Menteri, beliau.

Beliau juga memberitahu, bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Haji Harun Idris tidak akan diberikan jawatan Menteri walaupun diberi pengampunan kerana beliau bukan ahli Parlimen.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga menyebut bahawa bagi perkara termauk pilihannya umum akan datang, dasar luar Malaysia, dasar perdagangan, pelajaran dan perkhidmatan awam.

Mengenal pilihannya umum akan datang, Datuk Seri Dr. Mahathir ber kata, tidak ada kawanan pilihannya baru diwujudkan. Adialah terluas awal untuk menyatakan sama ada parti-parti komponen Barisan Nasional akan diberi pembahagian kerusi yang sama atau sebaliknya.

Timbalan Perdana Menteri juga berkata, peristiwa menarik



TENGGU RAZALEIGH
HAMZAH

ahli dari sebuah parti ke sebuah parti lain dalam komponen Barisan Nasional adalah dikenali tetapi tidak dapat dipastikan.

Beliau mengangap ancaman Pas terhadap Barisan Nasional, terutama UMNO, sebagai suatu perkara yang membosankan.

Preaduan UMNO itu menafikan spekulasi yang pengaruh Pas sedang berkembang di kawanan pilihannya di Kubang Pasu, Kedah.

Mengkaji dasar

"Ini tidak benar dan adalah impian mereka semata-mata," katanya.

Menyentuh soal dasar luar, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, kerajaan baru tidak akan mengubah dasar luar sekarang.

Menyentuh ancaman Komunis terhadap negara, beliau berkata, ancamannya tidak seberat dahulu tetapi tetap serius. Sewaktu ditanya tentang benar

atau tidak yang MCA dan lain-lain parti bukan Bumiputera agak bimbang tentang kepimpinannya, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, beliau tidak sedar tentang wujudnya kebimbangan itu.

Datuk Seri Dr. Mahathir, selaku Menteri Perdagangan dan Perindustrian juga memberitahu, dasar perdagangan negara juga tidak akan berubah.

"Dasar perdagangan sekarang dan galakan tetap tidak akan mengalami perubahan," katanya. Beliau berkata, kerajaan akan menyediakan lebih banyak maklumat dan perkhidmatan lebih baik untuk menarik lebih ramai pelabur ke negara ini.

Berocak tentang pelajaran, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, dasar sekarang tetap dipertahankan.

Mengenal Islam, beliau mengumumkan sebuah panel akan ditubuhkan untuk mengkaji dasar-dasar dan projek-projek kerajaan sama ada selaras dengan ajaran Islam.

Rajahan, katanya, akan memastikan yang hukum Islam akan diterjemahkan secara betul supaya Islam dihormati di tempat tertinggi sebagai agama rasmi negara.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga menyatakan pindaan terhadap Undang-undang Beruh yang diperkenankan tahun lalu juga berjalan dengan memuaskan.

Langkah tersebut ialah untuk membendung amalan tidak adli di kalangan para pemimpin Kesatuan Sekerja dan campur tangan Sekretariat Kesatuan Sekerja Antarabangsa dalam urusan kesatuan sekerja tempatan.

Datuk Seri Dr. Mahathir menafikan tuduhan bahawa pindaan terhadap Akta Pertubuhan Barisan ini bertujuan menyekat kegiatan badan-badannya yang sering mengkritik kerajaan.

Ini tidak benar sama sekali seperti juga tuduhan bahawa pindaan tersebut ialah untuk menghalang Datuk Harun Idris bertanding dalam pemilihan pucuk pimpinan UMNO. — Bernama.